

## ANTONIM

Pilih perkataan berlawanan dengan perkataan yang bergaris dalam ayat di bawah ini.

- 1 Api yang membakar hutan itu padam setelah hujan turun dengan lebatnya.  
A malap                      C nyala  
B marak                      D terang
- 2 Orang kaya yang bakhil itu telah menerima pembalasan atas segala perbuatannya.  
A pemurah                  C kikir  
B baik hati                  D jujur
- 3 Keadaan di dalam kelas itu agak kelam-kabut.  
A teratur                    C cantik  
B kemas                    D sistematik
- 7 Azmi menghela nafasnya semasa mendengar cerita ngeri yang disampaikan oleh Norin.  
A menarik                  C menghembus  
B menolak                  D meniup
- 8 Pak Bakar mencantumkan batu-bata itu dengan menggunakan simen.  
A meleraikan  
B menghubungkan  
C memisahkan  
D memutuskan
- 9 Kanak-kanak itu sangat gembira melihat persembahan kawan-kawan mereka.  
A jelak                      C sedih  
B muak                      D bosan

Soalan 4 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

- 4 Congkak ialah permainan tradisional yang masih dimainkan sehingga kini.  
A moden                    C depan  
B maju                      D baru
- 5 Semua fail di pejabat itu berselerak setelah dipindahkan ke tempat baru.  
A teratur                    C tertimbun  
B tersusun                  D terlonggok
- 6 Rumah-rumah yang dirobohkan oleh pihak pemaju itu merupakan rumah haram.  
A dibaiki                    C dielokkan  
B dimajukan                D dibangunkan
- 10 "Kamu sangat bertuah kerana disayangi ibu bapa kamu," kata Tahar.  
A untung                    C malang  
B rugi                        D sial
- 11 Pihak polis telah mengarahkan AJK masjid itu supaya menggali kubur itu semula.  
A menutup  
B menimbus  
C mengorek  
D menanam
- 12 Pergaduhan antara Koh dan Bob itu dileraikan oleh Lokman.  
A dihangatkan  
B dimulakan  
C diapi-apikan  
D dikendurkan
- 13 Kebanyakan binatang di zoo mini itu adalah jinak.  
A liar                        C garang  
B bengis                    D taat